*Jawab* **semua** *soalan.*

**1** (*a*) Firman Allah SWT:

وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ دِينَهُمۡ لَعِبٗا وَلَهۡوٗا وَغَرَّتۡهُمُ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَاۚ وَذَكِّرۡ بِهِۦٓ أَن تُبۡسَلَ
نَفۡسُۢ بِمَا كَسَبَتۡ لَيۡسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيّٞ وَلَا شَفِيعٞ وَإِن تَعۡدِلۡ كُلَّ عَدۡلٖ لَّا يُؤۡخَذۡ
مِنۡهَآۗ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أُبۡسِلُواْ بِمَا كَسَبُواْۖ لَهُمۡ شَرَابٞ مِّنۡ حَمِيمٖ وَعَذَابٌ أَلِيمُۢ بِمَا كَانُواْ
يَكۡفُرُونَ ٧٠

(Surah al-An’am: 70)

Ayat di atas menerangkan larangan mempersendakan agama Islam.
Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan **dua** bentuk perbuatan mempersendakan Islam. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** cara menjaga kesucian Islam. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 *markah*]

(*b*) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

«سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الإِمَامُ العَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي المَسَاجِدِ، وَرَجُلاَنِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ، فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ، أَخْفَى حَتَّى لاَ تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ،

وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ »

(متفق عليه)

Hadis di atas berkaitan dengan golongan yang mendapat naungan Allah SWT di padang Mahsyar.
Berdasarkan hadis di atas,

(i) Apakah maksud naungan? [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** golongan tersebut selain golongan yang menyembunyikan sedekah. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** contoh menyembunyikan sedekah. [2 *markah*]

50.4 peratus mengaku sudah lakukan seks sebelum usia 14 tahun

**Ribuan remaja hamil luar nikah**

Oleh SUHANA MD. YUSOP

PUTRAJAYA – Secara purata, sebanyak 18,000 remaja berumur 10 hingga 19 tahun di Malaysia hamil setiap tahun dan mendapatkan rawatan di klinik kesihatan kerajaan.

gaku pernah melakukan hubungan seks.

Hasil kajian juga mendapati, sebanyak 50.4 peratus mula melakukan seks pertama kali sebelum usia 14 tahun dan hanya 32.3 peratus menggunakan kondom kali terakhir mereka melakukan hubungan seks.

Sumber: *Kosmo* – 30 Oktober 2015

(iv) Huraikan pandangan anda berkaitan isu di atas. [4 *markah*]

(*c*) Namakan **dua** jenis *waqaf*. [2 *markah*]

**2** (*a*) Al-Jabbar merupakan salah satu daripada nama-nama Allah SWT.

(i) Apakah maksud al-Jabbar? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kefahaman berkaitan nama Allah SWT al-Jabbar. [4 *markah*]

| |
|---|
| Keimanan terhadap sifat Allah al-Jabbar melahirkan sifat tawaduk dalam diri. |

(iii) Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 *markah*]

(*b*) Khawarij adalah salah satu aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

(i) Nyatakan sejarah ringkas kemunculan Khawarij. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** prinsip Khawarij. [4 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Khawarij tentang isu berikut;

(1) Pelaku dosa besar

(2) Kedudukan Iman [4 *markah*]

**3** (*a*) (i) Nyatakan maksud sembelihan. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** daripada tiga rukun sembelihan. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan hikmah sembelihan dari sudut syarak dan sains. [2 *markah*]


Setempat
Harian Metro
Ayam sembelih
tak putus urat

Sumber: *Harian Metro* – 6 Oktober 2009

(iv) Berdasarkan petikan akhbar, kemukakan hujah anda untuk menangani masalah di atas. [4 *markah*]

(*b*) (i) Apakah maksud iddah? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** larangan semasa iddah. [2 *markah*]

(iii) Nyatakan **tempoh** bagi isteri yang bercerai hidup dalam situasi;

(1) Belum putus haid

(2) Belum pernah disetubuhi [2 *markah*]

| |
|---|
| **Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003**: Muzakarah telah memutuskan bahawa mana-mana anak angkat yang diangkat oleh orang Islam tidak boleh dinasabkan kepada bapa angkatnya. |

(iv) Pada pendapat anda, apakah sebenarnya hikmah disebalik larangan tersebut? [4 *markah*]

**4** (*a*) Keagungan dan kehebatan kerajaan Uthmaniyah menjadi kebanggaan dalam tamadun Islam.

(i) Siapakah pemerintah pertama dan terakhir kerajaan Uthmaniyah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dari aspek ketenteraan. [4 markah]

| |
|---|
| Pemimpin yang terbaik akan memberikan manfaat kepada semua orang, bukan sahaja manfaat di dunia malahan juga di akhirat. |

(iii) Huraikan pandangan anda terhadap pernyataan di atas. [4 *markah*]

(*b*) Imam Syafie merupakan pengasas mazhab Syafie yang diamalkan di Malaysia.

(i) Nyatakan riwayat hidup Imam Syafie. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** keperibadian beliau. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada keunggulan tokoh. [4 *markah*]

**5** (*a*) Islam menitikberatkan umat Islam agar beradab terhadap orang sakit.

(i) Jelaskan adab terhadap orang sakit dari aspek ibadah. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** hikmah beradab kepada orang sakit. [4 *markah*]



(iii) Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya situasi di atas diabaikan. [4 *markah*]

(*b*) (i) Nyatakan maksud alam sekitar. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** adab menjaga alam sekitar. [4 *markah*]

Maksud firman Allah:
"Dan apabila dikatakan kepada mereka, janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi…

*Surah al-Baqarah: 11*

**Maklumat 1**



Krisis haiwan dan manusia: Pakar minta hentikan penebangan hutan

"Secara teorinya, kesan fragmentasi habitat boleh dikurangkan dengan beberapa langkah wajar seperti menghentikan terus sebarang aktiviti penebangan hutan..."

**Maklumat 2**

(iii) Berdasarkan kepada maklumat 1 dan maklumat 2, mengapakah kita perlu melakukan perkara tersebut? Bincangkan. [4 *markah*]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**